

07/06/1999

Raja Alawiyah tinggalkan Keris Motion

Zainuri Misfar

APAKAH ada sesuatu yang tidak kena dalam konsortium syarikat perfileman dan drama Bumiputera, Keris Motion, apabila seorang lagi ahli lembaga pengarahnya menarik diri selepas tiga ahlinya berbuat demikian tahun lalu.

Ini berikutan dengan keputusan ahli lembaga pengarahnya iaitu Raja Alawiyah Idris menarik diri, kira-kira dua bulan lalu.

Tindakannya itu bakal memberi tamparan yang cukup hebat kepada Keris Motion kerana dia adalah antara penerbit paling aktif dalam konsortium ini.

Ketika mengesahkan perkara itu, Raja Alawiyah berkata, keputusan menarik diri terpaksa dibuat kerana mahu memberikan tumpuan terhadap syarikat penerbitannya, Bright Network.

Menurutnya, surat rasmi mengenai penarikan diri itu sudah diserahkan kepada Pengerusi Eksekutif Keris Motion, Mohamed Jusoh, Mac lalu.

"Tiada apa-apa masalah dalam Keris Motion. Hubungan saya dengan Cik Mat (Mohamed Jusoh) juga baik. Saya amat menghormati dia kerana kesungguhannya untuk memastikan kejayaan Keris Motion.

"Malah dia amat keberatan dengan keputusan saya ini tapi saya terpaksa menarik diri kerana mahu memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap syarikat saya.

"Dalam kesibukan memberi tumpuan kepada syarikat, saya tidak mampu memberikan komitmen sepenuh hati kepada Keris Motion," katanya ketika ditemui ketika rakaman sitkom 'Kelas Malam' di Bangsar, Kuala Lumpur, kelmarin.

Mengulas lanjut penarikan itu, Raja Alawiyah menjelaskan sebagai seorang ahli perniagaan, dia mahu bergerak lebih bebas tanpa terikat dengan sebarang peraturan.

"Sebagai ahli perniagaan, saya mahu agresif bagi memastikan kejayaan syarikat saya. Bright Network boleh dikatakan banyak memberikan komisyen Keris Motion, selain Yusof Haslam.

"Bagaimanapun, untuk memastikan terus menjadi ahli perniagaan yang agresif agak susah selagi saya terikat dengan beberapa peraturan yang ditetapkan.

"Lama saya memikirkan masalah ini sebelum memutuskan untuk menarik diri," katanya.

Penarikan diri Raja Alawiyah menyebabkan bilangan syarikat penerbitan yang berpayung di bawah Keris Motion dikatakan semakin susut.

"Saya difahamkan Keris Motion sekarang tinggal 10 syarikat saja," kata Raja Alawiyah.

Keris Motion adalah konsortium Penerbit Filem & Video Melayu yang didaftarkan pada 18 Julai 1995. Penubuhan Keris Motion dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober 1995. Pada awal penubuhannya mengandungi 16 syarikat penerbitan dan bertambah kepada 19 syarikat beberapa tahun kemudian.

Bagaimanapun, jumlah itu mula berkurangan apabila beberapa syarikat menarik diri tahun lalu seperti Cinematic Sdn Bhd yang dimiliki oleh Othman Hafsham, Nizarman (M) Sdn Bhd (Ruhani Abd Rahman) dan RJ Film (Rosnani Jamil).

Ada juga syarikat yang mesti disatukan kerana ditubuhkan atas nama sama seperti United Kadilla dengan Angkatan Seni Abad 20 (ASA20) yang dimiliki Datuk Rahim Razali dan Wan Rohani Zain.

Begitu juga dengan Serangkai Filem dan Director Team yang ditubuhkan

atas nama bersama iaitu Habsah Hassan dan Mohamed Jusoh.

Raja Alawiyah juga menjelaskan soal penarikan diri daripada Keris Motion juga tidak ada kaitan dengan kepentingan diri kerana dia masih mempunyai kepentingan dalam konsortium itu.

"Walaupun menarik diri, saya tidak terus menjual saham dalam Keris Motion. Mungkin kerana kegawatan ekonomi, jadi pihak yang mahu membeli saham saya itu menghadapi masalah kewangan.

"Tapi yang penting, saham saya masih ada dalam Keris Motion dan buat masa ini saya tidak bercadang untuk menjualnya kepada sesiapa," katanya.

(END)